

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN UJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 29 MAC 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 28

PR-1361-L04668

Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah jumlah pencawang telekomunikasi di kawasan Parlimen Sibuti dan apakah status projek jalur lebar pinggir bandar (SUBB) telah sampai di kawasan Parlimen Sibuti.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, sebanyak 13 menara komunikasi telah siap dibina dan beroperasi dengan liputan 3G di Parlimen Sibuti.

Selain itu, di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), sebanyak 2 ibusawat sedang dinaiktaraf bagi penyediaan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 20 Megabit sesaat di mana 192 sambungan tersedia untuk dilanggan manakala 92 ibusawat sedang dinaiktaraf yang akan siap sepenuhnya pada 2019.